

Penjaja sewa tapak kepada pihak ketiga diberi amaran

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil tindakan tegas ke atas penjaja bazar Ramadan yang bertindak menyewakan tapak mereka atau memberi kebenaran berniaga kepada pihak ketiga, termasuk warga asing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata Kementerian itu khususnya melalui DBKL, memandang berat eksploitasi sedemikian, selari dengan dasar berterusan yang dilaksanakan oleh agensi terbabit.

“Misalnya jika pemilik lesen berikan kepada orang lain (meniaga) atau tak patuhi kehendak diletakkan dalam garis panduan, memang kita akan ambil tindakan.”

“Dari segi tindakan, ada yang kita gantung lesen sementara atau ambil terus lesen mereka... lihat juga pada keadaan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Baiti Jannati (PBJ) dan Projek Mesra Rakyat (PMR) di Dataran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Digital merangkap



Dr Zaliha bersama Fahmi, Abdul Razak (kanan) dan penerima bantuan selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Baiti Jannati dan Projek Mesra Rakyat di Dataran PPR Kerinchi, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Abdul Razak Abdul Majid; Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Mohd Nizam Yahya.

Dr Zaliha diminta mengulas tindakan tegas yang akan diambil sekiranya ada penjaja memanipulasi menerusi sewa atas sewa bagi tapak mereka, termasuk warga asing.

Selain itu, ada peniaga sebelum ini didakwa bertindak membenarkan bukan pemegang lesen

menguruskan tapak bazar mereka.

Dr Zaliha turut mengingatkan penjaja yang menyewa tapak bazar Ramadan supaya mematuhi semua syarat ditetapkan.

“Apabila kita beri lesen kepada pemilik (lesen), dia kena menialah,” katanya.